PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 OCTOBER 2016

Nafi kerajaan mahu hapus legasi Dr. Mahathir

um- 14/10/2016

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Dakwaan Tun Dr. Mahathir Mohamad kononnya pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak cuba menghapuskan legasi beliau dengan 'membunuh' Proton Holdings Bhd. (Proton) adalah tidak benar.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, jika dakwaan itu benar, semua legasi peninggalan bekas Perdana Menteri itu termasuk Menara Berkembar Petronas akan dirobohkan.

Malah, menurut beliau, kerajaan telah meluluskan pinjaman berjumlah RM1.5 bilion kepada Proton pada April lalu.

"Pinjaman mudah itu antara lain adalah bagi membantu syarikat automotif itu membayar kepada vendor," katanya seperti dipetik daripada portal BNBBC, *https://www.bnbbc.my* hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) membuat dakwaan tersebut melalui laman blog beliau, *http://chedet.cc* semalam.

Salleh menambah, kerajaan tidak menafikan peranan yang dimainkan oleh Dr. Mahathir ketika melancarkan Proton sebagai jenama kereta nasional pertama pada 1985.

"Namun, kerajaan hari ini berpaksikan kepada rakyat didahulukan iaitu membangunkan kemudahan yang dapat memanfaatkan rakyat secara keseluruhan dan bukannya segelintir golongan sebagaimana yang berlaku semasa era pentadbiran beliau," jelasnya.